



## SIARAN MEDIA

### Kementerian Pertahanan & LTAT Jayakan Aspirasi MADANI di Sabah

#### ***Fokus Utama:***

- i. Naik taraf fasiliti bernilai RM150,000 serta agihan bantuan kewangan kepada 30 keluarga di bawah program Kem Santuni MADANI;*
- ii. Pemeraksanaan pendidikan bernilai RM50,000 di bawah program Sekolah Angkat MADANI; dan*
- iii. Pemeraksanaan warga ATM melalui Literasi Kewangan dan Inisiatif Kesihatan.*

**KOTA KINABALU, 21 SEPTEMBER 2025** – Bersempena Sambutan Hari Malaysia dan Hari Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan (“MINDEF”) serta Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) melalui Markas 5 Divisyen, dengan sokongan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”), telah menyempurnakan pelaksanaan inisiatif utama di bawah program Kem Santuni MADANI dan Sekolah Angkat MADANI di Kem Lok Kawi, Sabah, hari ini.

Program yang dirasmikan oleh YB Dato’ Seri Haji Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan, mencerminkan aspirasi Malaysia MADANI, Rakyat Disantuni, iaitu memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa dipelihara, diberdayakan serta disokong, dengan komuniti ATM dan keluarga mereka sebagai fokus utama.

#### **Meningkatkan Kesejahteraan Keluarga ATM melalui Infrastruktur, Pendidikan dan Bantuan Secara Langsung**

Tumpuan lawatan ini adalah program penyerahan projek naik taraf infrastruktur yang bernilai lebih daripada RM150,000.00 di Masjid As-Salam, Kem Lok Kawi, termasuk penambahbaikan fasiliti yang memberi keselesaan serta melambangkan ruang ibadah yang diperbaharui untuk penyatuan bagi warga Kem Lok Kawi. Menteri Pertahanan turut menyerahkan Wakaf Al-Quran secara simbolik kepada kepimpinan kem.

Selain itu, mock cheque bernilai RM50,000 turut disampaikan kepada Sekolah Kebangsaan Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu, dan Sekolah Kebangsaan Kem Tentera, Sandakan, Sabah, di bawah inisiatif Sekolah Angkat MADANI. Dengan sokongan LTAT serta lebih 14 syarikat kumpulannya, program ini kini merangkumi 38 sekolah di kem ATM seluruh negara dengan jumlah peruntukan RM950,000, sekali gus memperkukuh kemudahan pendidikan anak-anak warga ATM.

Dalam lawatan yang sama, Yayasan LTAT turut menyalurkan bantuan kewangan secara terus sebanyak RM15,000.00 kepada 30 keluarga ATM di Kem Lok Kawi yang dikenal pasti sebagai golongan kurang berkemampuan dan/atau menghadapi masalah kesihatan kritikal.

“Inisiatif ini mencerminkan makna sebenar aspirasi MADANI, Rakyat Disantuni, kebajikan dipertingkatkan, dan komuniti diperkuatkan. Warga ATM dan keluarga mereka adalah tulang belakang keselamatan negara, dan menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan kesejahteraan mereka terus dipelihara dan diraikan,” kata En. Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT.

### **Celik Kewangan dan Kesihatan Diri untuk Masa Depan**

Lawatan ini turut menampilkan komitmen berterusan LTAT melalui Program Taklimat Faedah Pencarum dan Celik Kewangan, yang sejak diperkenalkan pada Disember 2023 telah memberi manfaat kepada lebih 40,000 anggota ATM di seluruh negara. Program ini memperlengkapkan warga ATM dengan ilmu pengurusan kewangan yang bijak demi persaraan yang lebih terjamin.

Mengukuhkan lagi lawatan yang bermanfaat ini, syarikat kumpulan LTAT iaitu Pharmaniaga Berhad melalui Skuad Operasi Sihat ("SOS") menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma seperti ujian glukosa darah dan tekanan darah, bagi menggalakkan budaya penjagaan kesihatan berterusan dalam kalangan warga ATM. Manakala UAC Berhad, satu lagi syarikat kumpulan LTAT, menyumbang kepada kerja-kerja naik taraf infrastruktur Masjid As-Salam.

“Melalui Kem Santuni MADANI dan Sekolah Angkat MADANI, LTAT menzahirkan penghargaan kepada pengorbanan warga ATM dengan menyampaikan bantuan kebajikan, pendidikan dan pemerkasaan kewangan, sejajar dengan aspirasi MADANI ke arah Malaysia yang lebih penyayang dan inklusif,” tambah Ashraf.

### **Berdiri Teguh Bersama Sabah di Saat Sukar**

Dalam keadaan hujan lebat dan banjir yang melanda Sabah ketika ini, LTAT menegaskan solidariti padu bersama rakyat negeri tersebut.

“Kami berdiri teguh dengan rakyat Sabah di waktu yang mencabar ini. LTAT mendoakan ketenangan dan keselamatan, dan kami akan terus memainkan peranan yang penting dalam menyokong keluarga ATM serta komuniti yang terkesan. Ketabahan mereka menjadi inspirasi untuk kami terus menyumbang dan memastikan tiada yang terpinggir,” ujar Ashraf.

Kem Lok Kawi merupakan salah satu daripada lima kem yang terpilih di bawah inisiatif Kem Santuni MADANI, dengan peruntukan sebanyak RM500,000 di seluruh negara, merangkumi baik pulih infrastruktur, pemerkasaan ekonomi, celik kewangan dan sokongan komuniti yang memberi manfaat kepada lebih 5,900 keluarga ATM.

Turut hadir ialah Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Muhammad Hafizuddean bin Jantan, Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato’ Mohd Sofi bin Md Lepi, Panglima Medan Timur Tentera Darat; Mejar Jeneral Dato’ Haji Noorruil Azril bin Ariffin, Panglima 5 Divisyen; serta Dato’ Dr. Mohd Nizar bin Hj Sudin, Ketua Eksekutif Yayasan LTAT.

**-TAMAT-**

**Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”)**

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) serta para veteran. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my).

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : [izzat.alhadjri@ltat.gov.my](mailto:izzat.alhadjri@ltat.gov.my)

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)